

Tan Sri Dato' Sri Prof Ir Dr SAHOL HAMID Abu Bakar, FASc
P.S.M., S.S.A.P., D.J.M.K., D.P.M.S., D.S.P.N., D.J.N., B.C.N., D.S.M.
Dr.-Ing.E.h.(Stuttgart), D.Phil. (C.Eng)(Sussex), MSc. (C.Eng)(Colorado),
MSc. (Econ)(Colorado), B.Eng (Hons.) (ITM), FIEM, P.Eng

NAIB CANSOLOR
PRESIDENT / VICE CHANCELLOR

Universiti Teknologi MARA
Aras 6, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
40450 Shah Alam Selangor D. Ehsan, MALAYSIA
Tel: +603 5544 2001 / 2222
Faks: +603 5544 2030 / 2223
E-mel: sahol@salam.uitm.edu.my



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Rujukan Kami : 100-JKK (PT. 6/2)
Tarikh : 08 Oktober 2015

Kepada Semua
Rektor/Dekan Fakulti
Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Universiti Teknologi MARA

وَبَرَكَاتُهُ dan selamat sejahtera

YBhg. Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan

MAKLUMAN LARANGAN MEMPEROLEH TAJAAN LUAR BAGI TUJUAN PEMBIAYAAN PROGRAM UNIVERSITI

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk. Seterusnya, Pekeliling Naib Canselor Bil. 9/2007 bertarikh 8 Mac 2007, dan Pekeliling Naib Canselor Bilangan 01 Tahun 2013 bertarikh 29 Januari 2013 adalah berkaitan.

- Sehubungan ini, adalah dimaklumkan bahawa saya telah menerima maklum balas daripada badan-badan luar, termasuk agensi kerajaan, terdapat wakil-wakil daripada UiTM yang memohon tajaan bagi tujuan di atas.
- Dalam hal ini, saya ambil maklum akan peri pentingnya penglibatan warga serta pelajar UiTM dalam pelbagai program demi memperkasa universiti. Tidak dapat dinafikan bahawa penganjuran program-program tersebut memerlukan pembiayaan yang adakalanya membabitkan kos yang tinggi.
- Namun, setelah mengambil kira implikasinya dari pelbagai sudut, termasuk kesan negatif yang boleh menjejaskan imej dan kewibawaan universiti, saya mengambil keputusan untuk **tidak lagi membenarkan** PTJ membuat sebarang permohonan tajaan daripada syarikat korporat dan agensi kerajaan. Larangan yang sama juga terpakai untuk semua aktiviti dan program yang melibatkan para pelajar UiTM.
- Walau bagaimanapun, pengecualian terhadap larangan ini diberikan kepada PTJ yang telah memupuk hubungan industri atau usaha sama dengan pihak UiTM, sama ada melalui Memorandum Persefahaman (MoU) ataupun Memorandum Perjanjian (MoA).

6. Sehubungan itu, YBhg Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan diminta untuk menggunakan peruntukan sedia ada sebaik mungkin bagi menjayakan sebarang program universiti atau di peringkat PTJ masing-masing. Saya yakin YBhg Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan berupaya memenuhi arahan di atas tanpa menjejaskan kualiti pengisian dan juga output program yang dianjurkan.

Yang benar



SAHOL HAMID ABU BAKAR
Naib Canselor